

UNIT 12: Kebolehjadian



PBD KEBOLEHJADIAN

Buku Teks: m.s. 181 – 182

Tandakan (✓) bagi peristiwa yang mungkin berlaku

SP12.1(i) TPI TP2

1. 1 hari ada 30 jam. ()
2. Laili mendapat nombor 4 apabila melontar sebiji dadu. ()
3. Matahari terbit dari arah barat. ()
4. Murid Tahun 6 diberi teknik menjawab soalan sebelum UPSR. ()
5. Sebuah restoran beroperasi 24 jam sehari. ()
6. Sebuah kapal terbang mendarat di tempat letak kereta. ()

PBD KENALI LIMA KEBOLEHJADIAN PERISTIWA

Buku Teks: m.s. 183 – 186

Nyatakan kebolehjadian setiap peristiwa yang berikut. SP12.1(ii) TP2 TP3

Mustahil

Kecil kemungkinan

Sama kemungkinan

Besar kemungkinan

Pasti

	Peristiwa	Kebolehjadian
1.	Masa yang telah berlalu tidak akan kembali.	
2.	Tumbuhan hijau boleh hidup tanpa air.	
3.	Apabila melambung duit syiling, kamu akan mendapat ekor.	
4.	Kedengaran guruh. Hujan akan turun.	
5.	Allen menaiki tangga ke rumah pangsanya di tingkat 7.	
6.	Sebuah segi empat tepat mempunyai sudut 90° .	

UNIT 12: Kebolehjadian

PBD KENALI LIMA KEBOLEHJADIAN PERISTIWA

Buku Teks: m.s. 183 – 186

Jawab setiap yang berikut. SP12.1(ii) TP4

1. Malaysia ialah sebuah negara yang terletak di Asia Tenggara.
Apakah kebolehjadian salji turun di Malaysia?

2. Nazim dan Nizam adalah pasangan kembar yang lahir pada bulan November.
Apakah kebolehjadian mereka lahir dalam tahun yang sama?

3. Alif dan beberapa orang rakannya bermain bola sepak di padang.
Tiba-tiba, hujan turun.
Apakah kebolehjadian mereka meneruskan permainan?

4. Cikgu Maziah mengisikan 20 biji guli merah dan 20 biji guli putih ke dalam sebuah bekas. Asiah diminta mengeluarkan sebiji guli daripada bekas itu.
Apakah kebolehjadian sebiji guli putih dikeluarkan?

5. Bryan melambung sebiji dadu.
Apakah kebolehjadian Bryan mendapat nombor yang lebih besar daripada 1?

PRAKTIS UPSR 12

Unit 12: Kebolehjadian

UPSR KERTAS 1

1. Sebuah kotak mengandungi 5 biji manik merah dan 1 biji manik putih. Sebiji manik dikeluarkan dari kotak itu. Apakah kebolehjadian manik yang dikeluarkan itu berwarna putih?

- A Mustahil
- B Kecil kemungkinan
- C Besar kemungkinan
- D Pasti


2. Linda mendapat kepala daripada lambungan duit syiling.

Apakah kebolehjadian peristiwa di atas?

- A Sama kemungkinan
- B Pasti
- C Mustahil
- D Tidak mungkin

3. Rajah di bawah menunjukkan beberapa keping kad di dalam sebuah kotak.

KLON UPSR 2019



Azah mengambil sekeping kad secara rawak daripada kotak itu. Apakah kebolehjadian Azah mengambil kad berbentuk segi tiga?

- A Pasti
- B Kecil kemungkinan
- C Besar kemungkinan
- D Mustahil

4. Pentagon mempunyai 7 sisi.

Nyatakan kebolehjadian peristiwa di atas.

- A Mustahil
- B Kecil kemungkinan
- C Pasti
- D Besar kemungkinan

5. Berikut adalah suatu dialog antara dua orang murid.

KLON UPSR 2017

Bulan Februari 2020 ada 29 hari.

Bulan Februari yang mempunyai 29 hari hanya pada tahun lompat sahaja.



Akmal



Lee

Apakah kebolehjadian bulan Februari tahun 2024 mempunyai 29 hari?

- A Pasti
- B Mustahil
- C Kecil kemungkinan
- D Sama kemungkinan

6. Antara peristiwa berikut, yang manakah sama kemungkinan berlaku?

- A Mendapat nombor 1 daripada balingan sebiji dadu.
- B Mendapat manik biru daripada bekas yang berisi 1 biji manik biru dan 5 biji manik merah.
- C Mendapat nombor genap dalam cabutan nombor bertuah yang terdiri daripada nombor 1 hingga 100.
- D Hujan turun apabila kedengaran guruh.

7. Rajah di bawah menunjukkan enam keping kad huruf di dalam sebuah kotak.




Dina ingin mengeluarkan sekeping kad huruf A daripada kotak itu. Nyatakan kebolehjadian peristiwa itu.

- A Mustahil
- B Kecil kemungkinan
- C Besar kemungkinan
- D Pasti

UPSR KERTAS 2

KLON
UPSR
2018

1. Rajah di bawah menunjukkan beberapa biji dadu dan sebuah bongkah kayu yang akan dimasukkan ke dalam sebuah bekas.



(a) Apakah kebolehjadian sebiji dadu dipilih secara rawak dari bekas itu?
Tandakan (✓) pada jawapan yang betul. [1 markah]


Mustahil

Kecil kemungkinan

Besar kemungkinan

(b) Apakah kebolehjadian sebuah bongkah kayu dipilih secara rawak? [1 markah]

2.



Rajah di sebelah menunjukkan guli hitam dan guli putih di dalam sebuah kotak. Syukri diminta memilih sebiji guli daripada kotak itu.

(a) Tandakan (✓) kebolehjadian dia memilih sebiji guli putih. [1 markah]

Kecil kemungkinan

Mustahil

Besar kemungkinan

()

()

()

(b) Untuk mengubah kebolehjadian peristiwa di (a) menjadi sama kemungkinan, beri satu cadangan yang boleh dilakukan oleh Syukri. [2 markah]

(c) Nyatakan satu peristiwa yang mustahil berlaku yang berkaitan dengan guli yang dipilih oleh Syukri. [1 markah]